

R

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

ACP-9805
INVC.MS.9/2/02

**DALIL-DALIL IBN SINA
DALAM MEMBUKTIKAN WUJUD TUHAN**

RAJAB BIN SELAMAT

Perpustakaan Universiti Malaya



A510573945

**JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2000**

MOTTO

سُرِّيْهُمْ اِيْتَا فِي الْاَفَاقِ وَفِي اَنْفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ اَنَّهُ الْحَقُّ، اَوْ لَمْ
يَكُفْ بِرَبِّكَ اَنَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ۔ ﴿فَصَلَّتْ، ٤١: ٥٣﴾

"Kami akan memperlihatkan kepada mereka ayat-ayat (tanda-tanda) kebesaran Kami pada alam semesta dan pada diri mereka sendiri, sehingga jelaslah bagi mereka bahawa Al-Qur'an itu adalah benar . Dan apakah Tuhanmu tidak cukup (bagimu) bahawa sesungguhnya Dia menyaksikan segala sesuatu"

DEDIKASI

Ku persembahkan untukmu wahai manusia budiman

Ketahuilah bahawa:

Jika kita mahu membalik kembali lembaran sejarah
banyak orang dahulu yang telah menghabiskan
setiap genggaman kehidupannya
untuk sebuah pengabdian,
mereka bangkit untuk hidup kembali
di tengah orang-orang yang hidup.

Justeru itu janganlah kita menjadi

Orang-orang yang hidup tetapi mati.

ABSTRAK

Di kalangan *mutakallimin* (teolog), condong menggunakan dalil baharunya alam sebagai bukti akan adanya Tuhan. Dalil ini dilandaskan kepada suatu pendirian bahawa alam itu dijadikan Allah sesuai dengan iradah-Nya yang azali. Jika tanpa kehendak Allah, alam ini tidak akan terjadi. Dengan dalil tersebut bererti alam adalah baharu sedangkan Allah adalah *qadim*.

Ibn Sina (m. 1037 M) termasuk salah seorang failasuf yang kurang tertarik dengan dalil tersebut, sebab dalil ini dapat mengandung pengertian bahawa Allah tidak pemurah pada suatu waktu dan Maha Pemurah pada waktu yang lain. Di samping itu dia pula melihat, bahawa dalil yang dikemukakan oleh failasuf sebelumnya iaitu Al-Farabi (m. 950 M) terlalu dipengaruhi oleh Aristotles, sedangkan dalil yang dikemukakan oleh Aristotles dengan konsepnya penggerak pertama yang tidak bergerak itu berhujung kepada Tuhan yang tidak berbuat apa-apa atau dengan kata lain, jalan ini tidak dapat membawa kepada kebenaran bahawa Allah adalah sebab pencipta bagi alam.

Menghadapi hal ini, Ibn Sina menggunakan dalil tersendiri dalam membuktikan wujud Tuhan, ia menggunakan dalil adanya Khaliq sebagai bukti adanya makhluk. Menurut Ibn Sina, alam kenyataan ini ada atau tidak ada bukanlah suatu kepastian, wujudnya adalah mungkin yakni wujudnya mendatang. Setiap sesuatu yang wujudnya mungkin, maka adanya tidak lebih kuat daripada tidak adanya,

kecuali dengan ada sebab yang mengadakannya. Sebab yang mengadakannya ini wujudnya adalah pasti (*wajib al-wujud*).

Dalil ontologi yang sangat digemari oleh Ibn Sina ini dijadikan sebagai dalil untuk orang-orang khusus, tidak bagi orang awam. Sedangkan dalil qadimnya alam sebagaimana yang dikemukakan oleh Ibn Sina ini dijadikan sebagai dalil untuk orang-orang khusus, tidak bagi orang awam. Sedangkan dalil baharunya alam sebagaimana yang dikemukakan oleh para ahli ilmu kalam dipandang sebagai dalil yang benar juga, akan tetapi hanya sesuai untuk orang awam, kerana dalil tersebut tidak begitu meyakinkan untuk orang-orang tertentu (failasuf).

ABSTRACT

Among the ‘mutakallimin’ (teolog), they inclined to use their own concept ‘dalil’ regarding nature as an evidence to prove the existence of God. This concept is based on the principle that nature was created by God as a symbol of ‘Al-Mighty’ (Keesaan) ‘IradahNya yang azali. Without his prior consent, the whole world of nature would not be a existence. With this concept, it reveals that this would is ‘new’ ie. From non-existence to existence, whilst Allah are caisidered ‘qadim’ (Forever Will Remain).

Ibn Sina (w. 1037m) was among the ‘failasuf’ who quite disagree with this concept. To him, this concept construates meaning that Allah was unpredictable ie ‘gracions/kind’ at one moment and will differs the next moment. From his point of view, Al-Farabi (w.950m) was strongly influenced by Aristotles, whose concept denotes that the ‘first movement’ was initially supposed to create avenue to the worship of Allah but instead he argued that this concept has already deviated and as such becomes void and dormant. He further added, this concept does not reflects the ultimate truth, of Allah as ‘Creator of the Universe’. Facing this situation, Ibn Sina used his own concept to prove the existence of God. He resumed, the existence of ‘Khaliq’ as evidence to mark the existence of human and nature.

According to Ibn Sina, the existence of this world, is not definite, therefore its non-existence should also be regarded as non - definite unless there is reason for such

existence. For the one who's responsible to maintain the existence, should be definite and its existence should be absolute (wajib al - wujud).

This ‘ontologi’ concept was famous used by Ibn Sina to express his attitude but only to certain specific group, not to any public discussions.

While the ‘new concept of universe’ as suggested by the ‘kalam philosopher’ (para ilmu kalam), but only applicable to the public. The ‘failasuf’ disagree I with this concept.

PENGHARGAAN

Rasa syukur yang tidak terhingga, penulis persembahkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia serta keizinan-Nya jualah, penulis dapat menyelesaikan kajian ini. Selawat dan salam kepada junjungan Nabi Muhammad SAW yang telah berjuang untuk melepaskan umat manusia dari belenggu kebo-dohan serta naik ke darjah umat pilihan.

Pada kesempatan ini, penulis ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih khas kepada Yang Berbahagia Prof. Madya Mohamad Kamil bin Hj. Ab. Majid selaku penyelia atau pembimbing yang telah banyak meluangkan masa untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada penulis dalam usaha menyiapkan disertasi ini. Semoga segala jerih payah, bimbingan dan tunjuk ajarnya itu akan mendapat balasan pahala dari Allh SWT.

Penulis juga mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan kepada Pengarah Akademi Pengajian Islam, Ketua Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam dan seluruh kaki-tangan Akademi pengajian Islam, Universiti Malaya yang telah memberikan kerjasamanya kepada penulis.

Tidak ketinggalan juga penulis ucapan ribuan terima kasih kepada semua pihak perpustakaan yang dikunjungi yang telah membantu penulis bagi mendapatkan bahan-bahan kajian.

Di samping itu penghargaan yang tidak terhingga kepada dikasih ayahanda dan bonda, yang telah bersusah payah dengan tenaga, fikiran dan perasaan mereka

demi membesar dan mendidik penulis dari sejak kecil hingga penulis mampu berdikari.

Penghargaan dan ucapan terima kasih ini khas pula penulis tujuhan kepada isteri tercinta Norhaida binti Noramin dan anak-anak buah hati curahan rasa, yang telah ikut bersama-sama berkorban, baik fikiran maupun peranan.

Akhir kata kepada semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam usaha penulis menyiapkan kajian ini, penulis sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih, semoga segala sumbangan yang dicurahkan itu akan mendapat keberkatan dari Allah SWT.

Akhir sekali penulis berharap agar kajian ini akan dapat memberikan sedikit sumbangan dalam usaha memperkaya khazanah intelektual Islam dalam kehidupan yang serba moden ini.

Sekian dan terima kasih

Penulis

Rajab Selamat

Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam

Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

Jalan Lembah Pantai

59100 Kulala Lumpur.

atau

No. 3, Jalan 18/10, Tamán Koperasi Polis Fasa 1.

68100 Batu Caves, Kuala Lumpur

KATA PENGANTAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Puji dan syukur untuk Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam buat Rasul pilihan Muhammad SAW.

Warisan Islam terhadap dunia moden sangatlah melimpah. Khazanah intelektual muslim di sepanjang generasi menyingkap berbagai misteri yang tidak pernah usang ditelan zaman. Pemikir-pemikir muslim abad Pertengahan memberikan insperasi kepada kita bahawa kita pernah besar dan terkenal serta merupakan kewajipan bagi kita untuk merebut kembali hari depan yang gemilang.

Ibn Sina adalah salah seorang failasuf dan ahli kedoktoran pada masanya. Pemikiran-pemikiran falsafah Ibn Sina berkembang menembusi Timur dan Barat. Sebagaimana pemikiran Yunani menembusi hati sanubari Ibn Sina. Namanya jauh lebih masyhur daripada nama "gurunya" Al-Farabi (m. 950 M) dan failasuf lainnya.

Ibn Sina juga dianggap sebagai imam para failasuf pada masanya bahkan sesudahnya. Keginiusannya bukan hanya di dunia Islam yang menyanjungnya, bahkan disanjungi oleh dunia, kerana ia merupakan satu bintang gemerlapan yang cahayanya memancar sendiri dan bukan cahaya pinjaman.

Ibn Sina mempunyai pemikiran-pemikiran baru, baik di dalam menafsirkan doktrin-doktrin yang ditinggalkan oleh Aristoteles maupun di dalam penemuan-penemuan baru yang diperolehinya sendiri. Kerana pemikiranya itu, ia mempunyai pengikut-pengikut yang tidak sedikit jumlahnya.

Dengan keahliannya dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan yang serba kompleks itu, dunia ilmu pengetahuan tidak dapat menutup mata dan melupakannya, maka pada tahun 1370 Hijrah atau 1951 Masehi, diperingatilah genap seribu tahun dari lahirnya Ibn Sina. Peringatan yang sangat bersejarah ini diadakan di kota tempat wafatnya, iaitu di kota Hamadhan Iran pada bulan Safar 1370 Hijrah atau 29 April 1951 Masehi.

Suatu hal yang sangat menarik perhatian dari peringatan tersebut, dikumpulkan kembali segala buku-buku atau karya-karya Ibn Sina serta tulisan-tulisan orang yang tidak sedikit tentang dirinya. Sedangkan tulisan ini adalah merupakan sumbangan kecil bagi memahami argumen yang dipergunakan oleh Ibn Sina dalam membuktikan wujud Tuhan, sebagai pelengkap dari tulisan-tulisan yang telah ada tentang pemikiran tokoh failasuf Islam yang agung ini. Semoga usaha ini diberkati Allah.

Rajab Selamat

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya

59100 Kuala Lumpur

DAFTAR ISI

	Halaman
Motto	i
Dedikasi	ii
Abstrak	iii
Penghargaan	v
Kata Pengantar	vii
Daftar Isi	xi
Transliterasi	xiii
Daftar Singkatan Perkataan	xiv
BAB I	
PENDAHULUAN	1
1.1. Latar Belakang Masalah	1
1.2. Pengertian Tajuk dan Perumusan Masalah	7
1.3 .Tujuan Penyelidikan	7
1.4 .Metodologi Penyelidikan	8
1.5 .Sumber Data	9
1.6 .Sistematis Pembahasan	9
BAB 2	
RIWAYAT HIDUP DAN KARYA IBN SINA	
2.1 .Kehiran dan pendidikan	11
2.2 .Latar Belakang Pemikiran Falsafah Ketuhanan Ibn Sina	43
2.3 .Pengaruh Pemikiran Ibn Sina	49

BAB 3

DALIL-DALIL TENTANG ADANYA TUHAN DALAM FALSAFAH KETUHANAN IBN SINA	57
3.1 Perkembangan Faham Ketuhanan	60
3.2 Falsafah Ketuhanan Ibn Sina	81
3.3 Dasar Dalil-dalil Ibn Sina	108
3.4 Rumusan Dalil-dalil Ibn Sina	124

BAB 4

POSISI DALIL-DALIL IBN SINA DALAM PEMIKIRAN ISLAM	148
4.1 Reaksi Ilmu Kalam Terhadap Dalil-dalil Ontologi Ibn Sina	151
4.2 Reaksi Falsafah Terhadap Dalil-dalil Ontologi Ibn Sina	183
4.3 Reaksi Mistisisme Islam Terhadap Dalil-dalil Ontologi Ibn Sina	207

BAB V

P E N U T U P	222
5.1. Kesimpulan	222
5.2 Saranan	224

B I B L I O G R A F I	226
-----------------------	-----

TRANSLITERASI

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ب	b	ت	t
ا	a	ظ	dz
ب	b	ع	c
ت	t	غ	gh
ث	th	ف	f
ج	j	ق	q
ه	h	ک	k
خ	kh	ل	l
د	d	م	m
ذ	z	ن	n
ر	r	و	w
ز	z	ه	h
س	s	ى	y
ش	sy	ة	t/a
ص	s	لـا	al
ضـ	DH		
Vokal Panjang	-	ـاـ	ـيـ
Vokal Pendek	-	ـاـ	ـيـ
diftong	aw		
	ay		

SINGKATAN PERKATAAN

A.S - 'Alaihissalam

Dr. - Doktor

Dkk. - Dan kawan-kawan

Drs. - Doktorandus

Ed. - Editor

H. - Hijrah

m. - Meninggal

M. - Masehi

No. - Nombor

Terj. - Terjemahan

T.T - Tanpa tarikh

Prof. - Profesor

QS - Al-Quran Surah

S.A.W - Sallallahu 'alaihi wassalam